

PERUBAHAN BENTUK AMALAN WASIAT MASYARAKAT MELAYU: KESAN KEDATANGAN ISLAM

(Changes in Methods of Bequest Among the Malays: The Impact of Islam)

Asjad Mohamed
asjad@pahang.uitm.edu.my

Jasni Sulong
jasni@usm.my

Abstrak

Makalah ini bertujuan mengkaji bentuk amalan wasiat sejak zaman sebelum dan selepas penjajahan, serta kesannya dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Selain membongkar sejarah amalan wasiat menurut adat dan perundangan masyarakat Melayu, makalah ini juga meneliti perubahan dan perkembangan amalan wasiat selepas kedatangan Islam. Kajian dilakukan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati kedatangan Islam telah menyelesaikan kepincangan yang berlaku dalam hal pengurusan wasiat, serta menyelesaikan pertelingkahan dan permusuhan dalam kalangan ahli waris. Kedatangan Islam yang membawa undang-undang pusaka dan wasiat Islam yang syumul telah meningkatkan kesedaran dan mempengaruhi amalan wasiat dalam kalangan masyarakat Melayu hingga hari ini.

Kata kunci: wasiat, masyarakat Melayu, Tanah Melayu, adat, undang-undang

Abstract

This paper aims to study the methods of bequest before and after the colonial period, as well as the impact of colonialism on the Malays in the Malay States of the Peninsula. Apart from revealing the history of the methods of bequest according to the customs and traditional laws of the Malays, this article also takes a detailed look at the changes and developments in the methods of bequest after the arrival of Islam. This is a qualitative study which was conducted using library

research. The findings of the study show that the arrival of Islam solved issues concerning the administration of wills, as well as bringing an end to disputes and enmity among heirs. Islam brought with it complete inheritance laws that resulted in greater awareness in Malay society, and that hitherto influenced methods of bequest among the Malays.

Keywords: bequests, society, Tanah Melayu, custom, law

PENDAHULUAN

Rantau Kepulauan Melayu yang dikenali sebagai Alam Melayu atau Nusantara meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Maluku dan Filipina. Tumpuan akan diberikan kepada Tanah Melayu, umumnya dan Kerajaan Melayu Melaka, khususnya kerana Melaka pernah menjadi pusat perdagangan dan perkembangan Islam.¹ Tambahan pula, Semenanjung Tanah Melayu merupakan pintu masuk gugusan Kepulauan Melayu ke Tanah Besar Asia Tenggara.²

Pada zaman sebelum kedatangan orang Eropah dan berlakunya penjajahan di Tanah Melayu, bahagian pedalaman dan hutan yang berhampiran dengan pantai Semenanjung Tanah Melayu dihuni oleh orang asli yang terdiri daripada tiga suku kaum utama, iaitu Negrito, Senoi (Sakai) dan Melayu Asli (Melayu Proto).³ Ketiga-tiga suku kaum tersebut merupakan masyarakat awal Tanah Melayu sebelum kedatangan Islam. Selain mereka, Tanah Melayu turut dihuni oleh migran dari luar, terutamanya dari Pulau Jawa dan Sumatera, Indonesia. Mereka yang tinggal di kawasan pantai dikenali sebagai Melayu Deutro atau Melayu Pantai, sementara yang tinggal di kawasan bukit dikenali sebagai Melayu Proto.⁴ Oleh itu, sebelum kedatangan Islam dan berlakunya penjajahan, terdapat dua golongan masyarakat terbesar di Tanah Melayu yang mengamalkan adat masing-masing. Pertama, masyarakat asal Tanah Melayu yang dikenali sebagai masyarakat peribumi mengamalkan adat orang asli. Golongan kedua pula ialah masyarakat Tanah Melayu yang berhijrah dari tempat lain dan mengamalkan adat lama mereka seperti adat perpatih dan adat temenggung yang akhirnya menjadi adat yang dominan di Tanah Melayu.⁵

Walau bagaimanapun, penduduk di Borneo, termasuk di Sabah dan Sarawak berketurunan orang Melayu Proto. Mereka datang dari arah Laut China Selatan ke Borneo merentasi Semenanjung Tanah Melayu antara tahun 2500 Sebelum Masihi dan 1500 Sebelum Masihi. Selain itu, terdapat kumpulan daripada keturunan lain seperti orang Batak di Sumatera dan orang Senoi di Semenanjung Tanah Melayu.

Selepas itu, orang Melayu Deutro pula telah datang ke Borneo dan kemudiannya diikuti oleh orang Cina pada kurun ke-15 Masihi.⁶

Dari segi anutan agama, pada masa dahulu, masyarakat Nusantara, umumnya dan Tanah Melayu, khususnya tidak menganut apa-apa agama melainkan mengamalkan kepercayaan peribumi seperti animisme⁷ dan dinamisme⁸. Kemudian mereka menerima kedatangan agama Hindu dari India sejak kurun kedua Masihi.⁹ Selepas agama Hindu berkembang di Alam Melayu, agama Buddha pula disebarkan kira-kira pada abad kelima Masihi.¹⁰ Walau bagaimanapun, agama Hindu dan Buddha telah mengalami perubahan drastik di Alam Melayu. Kedua-duanya bergabung menjadi satu sebagai Hindu-Buddha walaupun pernah bermusuhan semasa di India. Sebagai contoh, Buddha telah bercantum dengan Hindu apabila menjadi Visynu yang merupakan antara dewa utama dalam konsep trimurti dalam agama Hindu. Proses percantuman tersebut telah berlaku sejak zaman silam melalui usaha dan kerjasama antara pendeta daripada kedua-dua agama ketika melaksanakan sesuatu upacara. Akhirnya, dikenal pasti bahawa perbezaan yang berlaku antara mereka hanyalah dari segi gelaran.¹¹

ZAMAN SEBELUM KEDATANGAN ISLAM

Umumnya, sebelum kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu dan sebelum berlakunya penjajahan, kehidupan dan amalan keagamaan pada ketika itu kuat dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha, selain kepercayaan kepada roh dan semangat pada peringkat awalnya. Sementara itu, amalan adat dan undang-undang masyarakat orang asli yang merupakan penduduk terawal Tanah Melayu pula tidak banyak diketahui. Meskipun demikian, mereka yang terdiri daripada orang Negrito, Senoi, Jakun,¹² Semang¹³ dan Melayu asli dipercayai mempunyai sistem adat dan perundangan tersendiri kerana mereka juga hidup bermasyarakat.¹⁴ Walau bagaimanapun, amalan dan undang-undang adat Melayu pada zaman silam tidak dicatat, apatah lagi dikanunkan sebagai undang-undang. Oleh sebab itu, tiada sumber yang jelas atau kajian khusus yang menghuraikan amalan adat masyarakat Melayu lama atau orang asli. Keadaan ini sudah tentunya menyukarkan kajian terhadap amalan dan undang-undang adat mereka, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan amalan wasiat. Amalan dan undang-undang adat ini hanya diketahui oleh golongan pemimpin dan disampaikan kepada penggantinya melalui lisan sahaja tanpa sebarang pendokumentasian.¹⁵ Namun, sama seperti masyarakat primitif lain, amalan mereka berpaksikan pendirian bahawa semua undang-undang adalah berdasarkan prinsip memelihara kepentingan dan keselamatan suku atau golongan mereka sahaja.¹⁶

Umpamanya, orang asli suku Senoi tidak melakukan amalan wasiat kerana bagi mereka tidak ada harta yang dimiliki oleh individu. Tanah kepunyaan suku kaum Senoi yang dikerjakan secara beramai-ramai dan kemudian hasilnya dinikmati bersama-sama. Dalam aspek pewarisan pula, keturunan si mati diutamakan, dan seterusnya saudara-mara. Rumah dan kebun si mati akan dibiarkan dan ditinggalkan jika tiada waris.¹⁷ Tanah kebun dan tanah yang belum dikerjakan terletak di bawah kuasa penghulu. Penghululah yang akan menetapkan setiap bidang tanah yang boleh diduduki oleh seseorang. Keadaan ini menunjukkan bahawa amalan pembahagian tanah dalam kalangan orang Senoi terletak pada suku dan penghulu yang berkuasa dan bertindak sebagai wakil suku.¹⁸

Sementara itu, amalan adat dan undang-undang yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu sejak beribu-ribu tahun lalu, selain adat masyarakat asli, terbahagi kepada dua jenis adat yang popular,¹⁹ iaitu adat perpatih²⁰ dan adat temenggung.²¹ Kedua-dua adat ini berasal dari Indonesia. Adat perpatih berasal daripada masyarakat Minangkabau di Sumatera.²² Sistem yang terpakai di sana agak berbeza daripada sistem di Tanah Melayu. Adat temenggung pula dipercayai merupakan adat terawal yang diperkenalkan di Alam Melayu yang berasal dari Palembang, Sumatera.²³ Orang Melayu Palembang mengamalkan adat ini setelah disebarkan oleh orang Minangkabau yang berhijrah ke daerah itu.²⁴ Adat ini dikatakan masuk ke Tanah Melayu melalui Singapura dan mula bertapak di Singapura pada abad ke-14 Masihi.²⁵

Adat Melayu lama telah menjadi amalan masyarakat sejak turun-temurun dan sebahagiannya terpelihara hingga hari ini. Adat perpatih yang diamalkan merupakan sistem suku bercorak nisab ibu (*matrilineal*²⁶) atau kuasa ibu (*matriarchal*) yang bersifat demokratik,²⁷ kukuh dan tegar.²⁸ Konsep kekeluargaan yang diamalkan lebih mengutamakan nasab atau keturunan sebelah ibu.²⁹ Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, Melaka dan beberapa bahagian negeri lain banyak menerima adat ini. Adat perpatih di Tanah Melayu yang terdapat di Negeri Sembilan berkembang ke daerah Ulu Muar, Jempol, Linggi (Sungai Ujong) dan Rembau; di Melaka pula berkembang ke daerah Naning, Alor Gajah, Johol dan Inas; manakala di Pahang berkembang hingga Jelebu.³⁰ Besar kemungkinan adat perpatih telah muncul di Negeri Sembilan antara abad ke-10 Masihi hingga abad ke-14 Masihi kerana dikatakan orang Minangkabau telah sampai ke Negeri Sembilan pada abad kesembilan Masihi lagi dan kemudian mereka berhijrah pula beramai-ramai ke negeri itu pada abad ke-14 Masihi.³¹

Sementara itu, adat temenggung merupakan satu organisasi suku yang berbentuk nasab bapa (*patrilineal*³²) atau kuasa bapa (*patriarchal*³³) yang mempunyai ciri bercampur aduk³⁴ dan bersifat autokratik.³⁵ Sistem patrilineal mempunyai perkaitan

dengan keluarga sebelah bapa dan mengikut peraturan, umumnya lelaki memiliki hak keistimewaan mengatasi perempuan. Sistem monarki serta agama Hindu-Buddha dan ajaran Islam banyak mempengaruhi dan meresap ke dalam prinsip adat ini.³⁶ Negeri yang tegar mengamalkan adat ini ialah Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan juga beberapa kawasan di Melaka, serta Negeri Sembilan. Kawasan ini juga dikenali sebagai kawasan adat temenggung.³⁷

Dalam konteks berwasiat, menurut adat perpatih, seseorang itu tidak boleh membuat wasiat terhadap hartanya dalam apa-apa juga keadaan.³⁸ Sesuatu wasiat yang dilakukan akan menjadi tidak sah jika hanya berdasarkan undang-undang adat semata-mata kerana para waris berhak untuk mendapatkan semula harta yang telah diwasiatkan. Keadaan ini dapat dilihat berdasarkan kes *Dato' Ngiang Kulop Kidal* [1926].³⁹ Keputusan yang dibuat adalah berpandukan adat Rembau, iaitu seseorang itu tertakluk pada adat kuasa ibu yang tidak boleh membuat wasiat. Selain itu, berdasarkan kes *Hassan lwn Romit* [1913],⁴⁰ mahkamah memutuskan bahawa sebarang perjanjian semasa hidup seseorang yang bertujuan membahagi-bahagikan harta warisan adalah tidak sah dan terbatal.⁴¹ Alasan yang menegah menggunakan hak perseorangan adalah berdasarkan adat perpatih dan harta pusaka berpindah atau tidak berpindah yang pada keseluruhannya dipunyai oleh suku⁴² dan bukan individu kerana memakai sistem warisan secara kolektif.⁴³ Oleh sebab itu, harta tersebut tidak boleh dibahagi-bahagikan oleh pemiliknya.⁴⁴ Hal ini juga berasaskan prinsip asas bahawa suku itu merupakan satu unit yang bertujuan untuk memelihara kepentingan ekonomi dan mengatur struktur sosial masyarakat yang bersuku.⁴⁵

Begitu juga dalam soal pewarisan, adat perpatih lebih mengutamakan waris wanita berbanding dengan waris lelaki. Hak atau kuasa yang diberikan kepada waris lelaki hanyalah berbentuk “hak pakai” terhadap tanah pusaka, selain bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan pembahagian harta adat sahaja. Sementara “hak pakai” itu pula dibenarkan kepada waris lelaki yang terdesak dan hanya berkuat kuasa sepanjang hidupnya. Mereka tidak boleh mewarisi harta pusaka melainkan mengambil barangan peribadi bapa seperti seluar dan baju sebagai kenang-kenangan.⁴⁶ Sementara itu, golongan wanita berhak mewarisi harta suku secara *per stirpes*⁴⁷ dengan menjadi “pemegang amanah” terhadap harta tersebut yang mempunyai pemilikan bersama oleh keluarga seperti yang berikut:⁴⁸

All ancestral property belongs to the tribe; it vest in the female members but they hold it trustees for their tribe rather than as owners.

Maksudnya: Semua harta nenek moyang ialah kepunyaan suku; memberikan kuasa kepada ahli wanita tetapi mereka memilikinya sebagai pemegang amanah harta suku dan bukannya sebagai pemilik sebenar.

Manakala, adat temenggung di Tanah Melayu pada permulaannya menerima pengaruh adat Hindu yang datang daripada masyarakat Melayu lama Palembang yang dipengaruhi oleh tamadun Hindu purba.⁴⁹ Jika dirujuk kepada amalan pewarisan penganut Hindu di tempat asalnya India, didapati banyak adat *patriarchal* yang diamalkan oleh mereka. Sesetengah kawasan di India menggunakan sistem pengecualian wanita daripada warisan dan di sesetengah tempat pula, kaum wanita, iaitu ibu mempunyai hak warisan.⁵⁰ Mengikut adat Khojah di India, anak perempuan dikecualikan daripada warisan. Contohnya, apabila seseorang balu itu hanya mempunyai seorang waris lelaki terdekat kepada suaminya tetapi meninggal dunia dan harta seorang isteri yang meninggal dunia juga akan jatuh ke tangan keluarga suami.⁵¹

Pada umumnya, mereka menggunakan peraturan hak dan keutamaan pewarisan kepada anak sulung (*primogeniture*⁵²). Sistem *patriarchal* menjadi pilihan dan amalan kebanyakan masyarakat Hindu. Mereka menetapkan bahawa suami merupakan ketua dalam sesebuah keluarga. Tugas dan hak ketua akan digantikan oleh anak lelaki sulung sekiranya berlaku kematian atau sebarang kecacatan. Manakala, bapa berkuasa terhadap anak perempuannya semasa kanak-kanak dan suaminya berkuasa selepas berumah tangga. Namun, setelah mencecah usia tua, ibu terletak di bawah kuasa anak lelakinya.⁵³ Mengikut peraturan atau sistem ini, hak terhadap harta pusaka diserahkan, terutama kepada anak lelaki yang paling tua dan seterusnya kepada saudara lelaki yang lebih tua sebelah bapa dengan syarat si ibu telah diberi bahagian yang sama dengan bahagian seorang anak lelaki, sementara saudara perempuan diberikan bahagian sekadarnya. Jika waris lelaki tiada, ibu atau nenek sebelah bapa berhak terhadap harta tersebut dan jika tiada waris, harta tersebut diserahkan kepada raja.⁵⁴

Walau bagaimanapun, tidak diketahui wujudnya sebarang larangan yang menghalang seseorang melakukannya. Namun, sekiranya berlaku, penekanan lebih tertumpu pada kelebihan golongan lelaki berbanding dengan wanita berasaskan semangat sistem nisab bapa (*patriarchal*) yang wujud dalam adat temenggung, kesan penerimaan pengaruh adat Hindu. Umumnya, dari sudut amalan perundangan, sebelum kedatangan Islam, orang Melayu telah mengamalkan undang-undang adat yang dipengaruhi beberapa unsur Hindu.⁵⁵

ZAMAN SELEPAS KEDATANGAN ISLAM

Para sejarawan berselisih pendapat berhubung dengan tarikh sebenar kedatangan Islam ke Tanah Melayu.⁵⁶ Menurut sebahagian sarjana sejarah tempatan, abad ke-13 Masihi merupakan zaman kedatangan Islam ke Alam Melayu.⁵⁷ Terdapat beberapa pandangan yang meramalkan tarikh berhubung dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu secara lebih terperinci. Antaranya, menurut catatan Marco Polo, Islam mula datang ke Tanah Melayu kira-kira pada tahun 1292 Masihi,⁵⁸ serta bertapak di Pasai kira-kira sekitar tahun 1297 Masihi dan di Terengganu pada tahun 1303 Masihi.⁵⁹ Pendapat ini dipersetujui oleh Joselin dan Haji Mohamad Salleh (seorang tokoh sejarah tempatan) yang mengatakan bahawa Islam telah bertapak di Tanah Melayu pada tahun tersebut berdasarkan catatan Batu Bersurat Terengganu yang dijumpai di Sungai Teresat, berhampiran dengan Kuala Berang.⁶⁰ Hakikatnya, amat sukar dan mustahil⁶¹ untuk menentukan tarikh kedatangan Islam ke Tanah Melayu dengan tepat.

Mengikut sejarah perkembangan agama dan kepercayaan di Tanah Melayu, Islam bukanlah agama tertua. Namun, sejak abad ke-14 Masihi dan abad ke-15 Masihi, Islam telah menjadi agama utama apabila berkembang pesat sehingga keseluruhan besar masyarakat Melayu menganut agama Islam, ditambah pula dengan kedatangan para pedagang Islam dari Tanah Arab dan India.⁶² Islam juga telah mencapai zaman kemuncak kegemilangannya ketika Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan agung, khususnya selepas 1414 Masihi apabila rajanya memeluk Islam dengan nama Sultan Megat Iskandar Syah.⁶³ Menurut Syed Muhammad Naquib, Islam mula diterima di Melaka kira-kira pada tahun 812 Hijrah (1409 Masihi). Melaka juga merupakan institusi Kesultanan Melayu Islam pertama di Semenanjung Tanah Melayu.⁶⁴ Islam tidak dapat dipisahkan daripada orang Melayu sehingga dikatakan setiap orang Melayu itu beragama Islam, dan sebaliknya. Dengan perkataan lain, keseluruhan besar amalan masyarakat Melayu berasaskan nilai Islam. Meskipun demikian, pengaruh dan kepercayaan animisme, dan agama Hindu-Buddha yang pernah diamalkan oleh masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam masih kuat dalam diri mereka dalam banyak perkara, termasuklah dalam sistem pewarisan dan wasiat.⁶⁵

Walau bagaimanapun, secara umumnya, kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah berjaya mencetuskan perubahan yang dinamik terhadap cara hidup orang Melayu secara dalaman dan luaran. Kenyataan ini menguatkan lagi hujah dan pendapat Syed Muhammad Naquib bahawa “agama Islam itu telah mengubah jiwa dan fizikal masyarakat Melayu Indonesia”.⁶⁶

Di Tanah Melayu, apabila Islam tersebar luas dan orang Melayu mengikutinya, adat lama yang menjadi amalan mereka telah diubah dan disesuaikan mengikut ajaran Islam.⁶⁷ Namun, masyarakat Tanah Melayu merupakan komuniti yang sangat kuat

mengamalkan adat dalam kehidupan mereka, termasuklah dalam hal yang berhubung dengan wasiat. Pada masa dahulu, mereka tidak menerima dan mengamalkan prinsip dan hukum Islam secara keseluruhan, khususnya undang-undang pusaka dan wasiat Islam. Hal ini berlaku kerana rata-rata masyarakat Melayu sama ada berasal daripada suku kaum orang asli Tanah Melayu seperti Semang, Jakun, dan sebagainya atau terdiri daripada komuniti yang berhijrah dari Indonesia, India, Arab atau dari tempat lain bersikap tegar, taasub dan sangat konsisten berpegang pada adat. Mereka menjunjung adat lama mengatasi prinsip lain. Dengan kata lain, struktur sosial dan amalan masyarakat Melayu awal pada peringkat permulaannya adalah berdasarkan adat sebelum perkara lain.⁶⁸ Situasi ini jelas tergambar melalui pegangan mereka terhadap kata-kata tradisi:

Biar mati anak,
Asalkan jangan mati adat.
Tak lapuk dek hujan,
Tak lekang dek panas.⁶⁹

Selain itu, kebanyakan orang Melayu terdiri daripada golongan buta huruf menyebabkan mereka lebih mudah menerima dan mengamalkan adat berbanding dengan hukum pusaka Islam. Oleh itu, tidak hairanlah jika mereka lebih cenderung mengikut adat lama meskipun telah memeluk Islam. Pendakwah Islam pada peringkat permulaan pula terdiri daripada ahli teologi. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu lebih mengenali dan menerima Islam dari aspek kepercayaan, kerohanian, serta ibadah khusus berbanding dengan hukum, tanggungjawab sosial dan keadilan muamalatnya seperti dalam hal yang berkaitan dengan sistem warisan dan wasiat. Generasi tua dalam kalangan masyarakat Melayu lebih berminat tentang perkara ibadat berbanding dengan perkara lain seperti muamalat. Malah, sebahagian daripada mereka lebih menerima adat sebagai amalan harian dalam kehidupan mereka.⁷⁰

Orang Melayu pada masa dahulu kurang mengamati ajaran Islam, malah banyak mengabaikannya, terutama yang berkaitan dengan hukum seperti hal pewarisan, termasuklah wasiat. Berkaitan dengan hal ini, Wilkinson (1908) menyatakan:

Orang Melayu tidak pernah menerima hukum Islam seluruhnya. Mereka bersedia untuk mengambil perkara-perkara agama semata-mata seperti mengendalikan tanah masjid dan pemungutan zakat fitrah sahaja tetapi apabila sampai kepada pekerjaan yang agak serius dalam hidup, umpamanya perjanjian jual beli, hak hamba, hak milik tanah, hutang, serta warisan gelaran dan harta sebenar, maka ketua-ketua meneruskannya dengan adat mereka.⁷¹

Taylor (1937) juga merumuskan hal yang sama sambil mengutarakan suatu alasan yang mudah:

Mustahak disadari bahawa memanglah orang-orang Melayu pada umumnya terdiri daripada orang-orang Islam yang kuat beragama tetapi mereka tidak pernah mengambil semua hukum Islam. Ini bukanlah kerana pilihan tetapi sebenarnya kerana mereka tinggal di tempat-tempat yang berbeza iklim.⁷²

Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu masih mengamalkan beberapa perkara daripada ajaran Islam sehingga terdapat pelbagai titik persamaan dan toleransi antara adat dengan hukum Islam yang tersebar luas di Tanah Melayu. Hal ini dapat dilihat daripada kata-kata tradisi yang menjadi amalan mereka.⁷³

Pada adat,
 Menghilangkan yang buruk,
 Menimbulkan yang jahat,
 Kata syara',
 Menyuruhkan berbuat baik,
 Menegahkan berbuat jahat.
 Adat bersendikan hukum,
 Hukum bersendikan Kitabullah.
 Adat ke hukum mati hukum,
 Hukum ke adat mati adat.

Walaupun agama Islam telah tersebar luas di Tanah Melayu, adat perpatih masih tidak menerima sistem pewarisan Islam sebagai suatu landasan dalam pembahagian harta pusaka seperti adat temenggung. Sistem pewarisan harta yang mengutamakan anak perempuan masih dikekalkan walaupun Islam telah menetapkan hukumnya. Nasab keturunan yang berdasarkan kaum ibu juga bertentangan dengan yang telah ditetapkan oleh Islam. Hal ini memperlihatkan keterbatasan pengaruh hukum Islam dalam masyarakat adat perpatih walaupun menyatakan “adat bersendikan hukum Islam”. Namun, dari segi pelaksanaannya berbeza dan tidak menepati seperti yang dinyatakan.⁷⁴ Manakala, adat temenggung dikatakan menerima hukum dan syariat Islam yang berasaskan undang-undang syariat Islam lebih ketara berbanding dengan pengaruh Hindu-Buddha sebelumnya.⁷⁵ Sistem pewarisan adat temenggung merupakan satu sistem yang bersifat individu kerana pemilikan harta peninggalan dibahagi-bahagikan antara ahli waris. Oleh sebab sistem pewarisan hukum Islam juga berasaskan sistem pewarisan individu, maka pengaruh hukum syarak sangat menebal⁷⁶ dalam hukum pewarisan harta dalam adat temenggung di Malaysia.

Dalam hal yang berkaitan dengan wasiat, adat temenggung dilihat menerima banyak hukum Islam kerana kebanyakan amalan dalam adat temenggung mengikut prinsip yang terkandung dalam undang-undang pusaka Islam.⁷⁷ Sebagai contoh, dalam kes *Sheikh Abdul Latiff lwn Elias Bux* [1915]⁷⁸ diputuskan bahawa seorang pewasiat berhak membuat wasiat menurut hukum syarak tidak lebih daripada satu pertiga harta kepunyaannya sewaktu beliau meninggal dunia. Baki harta itu mesti diagihkan mengikut kadar tertentu kepada warisnya. Demikian juga dalam kes *Siti lwn Mohamed Nor* [1928]⁷⁹ diputuskan bahawa wasiat seorang Islam yang cuba mengutamakan seorang waris dengan memberinya bahagian yang lebih besar dalam harta pusaka daripada haknya menurut hukum syarak adalah tidak sah pemberian tersebut tanpa izin daripada waris yang lain.⁸⁰

Adat temenggung juga bebas daripada sebarang peraturan yang menghalang seseorang membuat wasiat dan masyarakat boleh melakukannya tanpa kekangan. Wasiat selalunya dilakukan oleh mereka atas dasar perasaan belas kasihan kepada individu yang susah dan memerlukan. Tabiat mulia ini merupakan satu sikap positif yang dapat diterima oleh ahli keluarga yang mempunyai kesedaran agama. Prinsip ini secara tidak langsung memperlihatkan perbezaan amalan wasiat antara masyarakat yang mengamalkan adat perpatih dengan adat temenggung,⁸¹ dan membuktikan bahawa Islam telah mempengaruhi adat temenggung, terutama bentuk dan amalan wasiat dalam kalangan masyarakat Melayu.

ZAMAN PENJAJAHAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP AMALAN WASIAT

Selepas berlaku penjajahan di Tanah Melayu, semakin ramai orang daripada pelbagai kumpulan seperti orang Melayu Sumatera, serta pendatang Cina dan Indonesia datang berhijrah. Senario ini berlanjutan sehinggalah berlaku penaklukan Jepun pada tahun 1940-an. Pada ketika itu, penghijrahan mula berkurangan sehinggakan jumlah penduduk menjadi semakin sedikit disebabkan pendatang Cina keluar dari Tanah Melayu akibat situasi darurat yang diisytiharkan pada tahun 1948.

Penjajahan bermula di Tanah Melayu apabila Melaka ditakluk oleh Portugis, dan kemudiannya diikuti oleh Belanda, British dan Jepun sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.⁸² Perkembangan amalan wasiat di Tanah Melayu pada zaman penjajahan dan zaman merdeka bukan sahaja meliputi Negeri-Negeri Selat dan negeri Melayu lain, malah turut berkembang di Sabah dan Sarawak (wilayah Borneo ketika itu) yang berada di bawah kedaulatan Sultan Brunei pada kurun ke-16 Masihi.⁸³ Inggeris kemudiannya mengisytiharkan Brunei, Sabah dan

Sarawak sebagai negeri naungan atau lindungan dalam perjanjian 1888.⁸⁴ Walau bagaimanapun, akhirnya Sabah dan Sarawak bersetuju membentuk Malaysia pada tahun 1963.⁸⁵

KEDATANGAN PENJAJAH

Pada abad ke-14 Masihi, masyarakat Tanah Melayu bebas melaksanakan adat dan undang-undang Islam dalam segala aspek kehidupan. Buktinya, Hukum Kanun Melaka yang mengandungi unsur perundangan Islam telah dikuatkuasakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka,⁸⁶ di samping undang-undang Melayu lama lain. Keadaan ini terus berlanjutan sehingga berlakunya penjajahan di Tanah Melayu seawal abad ke-15 Masihi. Meskipun Tanah Melayu pernah dikuasai oleh penjajah, namun polisi setiap kuasa yang memerintah berbeza, khususnya dalam urusan pentadbiran, perundangan dan amalan penduduk tempatan. Terdapat kuasa penjajah yang membiarkan rakyat tempatan mengamalkan adat, serta undang-undang mereka,⁸⁷ dan sebaliknya ada yang berusaha mengawal mereka dengan undang-undang asing yang baru diperkenalkan.⁸⁸ Perbincangan tentang zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu (1942–1945) tidak diberikan tumpuan kerana kedatangan mereka tidak memberikan pengaruh besar terhadap amalan Islam dalam kalangan masyarakat tempatan, terutama yang berkaitan dengan sistem pewarisan dan wasiat. Polisi dan objektif pendudukan mereka di Tanah Melayu lebih tertumpu pada aspek penguasaan ekonomi.⁸⁹ Pihak Jepun memberikan kebebasan beragama kepada masyarakat dan mengamalkan dasar terbuka dalam aspek keagamaan. Namun, mereka tetap berusaha membentuk pemikiran Jepun dalam kalangan rakyat tempatan.⁹⁰

ZAMAN PEMERINTAHAN PORTUGIS DAN BELANDA

Tanah Melayu berjaya dijajah oleh Portugis apabila angkatan tentera lautnya berjaya menewaskan Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511.⁹¹ Gabenor (Benteng) ditugaskan untuk mentadbir Melaka dengan menguatkuasakan pentadbiran tentera dan awam. Pada umumnya, pentadbiran keadilan dalam kalangan rakyat yang bukan beragama Kristian dan yang berbangsa Asia dipertanggungjawabkan kepada ketua kaum, sementara orang Portugis pula terletak di bawah tanggungjawab hakim serta bidang kuasa undang-undang Portugis.⁹² Namun, tidak diketahui sama ada Portugis pernah mempraktikkan undang-undangnya terhadap orang Melayu di Melaka atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, Belanda melaporkan berita bahawa Portugis pernah membuat beberapa undang-undang tetapi tidak terpakai kepada masyarakat Melayu.⁹³

Selepas penaklukan Portugis, Belanda pula menjajah Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1641.⁹⁴ Pada zaman pemerintahan Belanda, Melaka ditadbir oleh seorang gabenor yang berkuasa terhadap semua penduduk dalam semua perkara. Hal yang sama turut berlaku pada zaman pemerintahan Portugis sama ada undang-undang Belanda dikuatkuasakan atau tidak terhadap penduduk Melaka (yang terdiri daripada pelbagai bangsa) tidak dapat dipastikan.⁹⁵ Seperti amalan pihak Belanda di Jawa yang membenarkan masyarakat tempatan melaksanakan adat dan undang-undang mereka sendiri, maka begitulah pendekatan yang diambil oleh mereka semasa mentadbir Melaka.⁹⁶ Bagi penduduk bangsa Eropah lain, undang-undang Belanda yang berdasarkan statut kolonial (*colonial statutes*⁹⁷) yang dikuatkuasakan terhadap mereka.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa penjajahan Portugis dan Belanda di Tanah Melayu, khususnya Melaka tidak membawa sebarang perubahan, serta tidak memberikan kesan terhadap adat dan amalan keagamaan masyarakat Melayu, termasuk dalam konteks amalan wasiat dalam kalangan masyarakat setempat.⁹⁸ Masyarakat Melayu dibenarkan mengamalkan undang-undang mereka sendiri, malah mereka bebas meneruskan amalan kehidupan turun-temurun seperti berwasiat mengikut adat yang dipengaruhi undang-undang Islam⁹⁹ kerana tidak terikat dengan sebarang undang-undang asing. Meskipun Portugis dan Belanda menguasai Melaka dalam tempoh yang agak lama, iaitu lebih dari 100 tahun, namun mereka tidak berjaya mempengaruhi adat dan amalan penduduk Tanah Melayu. Kedua-kedua kuasa Eropah tersebut tidak mengganggu amalan perundangan masyarakat setempat dan mengecualikan mereka daripada undang-undang asing kerana lebih memfokuskan hal ekonomi dan keuntungan perdagangan berbanding dengan peluasan kuasa, termasuk dalam aspek perundangan. Pendekatan ini bersesuaian dengan matlamat asal penjajahan Melaka yang bertujuan memiliki sebuah pelabuhan yang strategik untuk menguasai perdagangan di Timur.¹⁰⁰

ZAMAN PEMERINTAHAN BRITISH

British telah menguasai semula Melaka pada tahun 1825,¹⁰¹ kesan perjanjian British-Belanda pada tahun 1824.¹⁰² Menurut Wilkinson, kedatangan British yang membawa pengaruhnya yang tersendiri telah menyebabkan proses penyesuaian agama dan adat terganggu¹⁰³ kerana undang-undang yang berkuat kuasa di Tanah Melayu sebelum campur tangan British ialah adat perpatih dan adat temenggung. Meskipun undang-undang ini telah lama diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu, namun sebahagian besar adat tersebut tidak didokumentasikan.¹⁰⁴ Antara elemen yang dapat

memelihara himpunan undang-undang dan adat ini termasuklah peribahasa yang telah disampaikan secara lisan daripada satu generasi kepada satu generasi. Adat perpatih umpamanya, terungkap dalam puisi tradisi dan perbilangan adat yang sentiasa menjadi sandaran dalam kalangan suku di Negeri Sembilan.¹⁰⁵

Seperti yang diketahui umum, undang-undang wasiat dan pewarisan Islam telah lama digunakan oleh masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Selepas kedatangan British, pelbagai usaha dan percubaan dilakukan oleh British untuk memperkenalkan undang-undang wasiat dan pewarisan Inggeris di Tanah Melayu, serta mengetepikan undang-undang Islam. Agenda mereka lebih tertumpu di Negeri-Negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Melaka, Singapura dan Labuan.¹⁰⁶ Mereka mengganggu wilayah tersebut merupakan tanah jajahan Inggeris yang tidak dimiliki oleh kerajaan lain dan sekali gus tertakluk pada undang-undang Inggeris. Beberapa pegawai Inggeris seperti Sir Benson Maxwell menyokong hal ini dalam kenyataannya terhadap kes *Reg lwn Willans* [1858]¹⁰⁷ bahawa tiada sebarang undang-undang dikuatkuasakan semasa berlaku penjajahan Pulau Pinang pada tahun 1786 dan pada masa itu hanya terdapat empat buah keluarga Melayu sahaja.¹⁰⁸ Begitu juga Hakim Hackett, J. dalam kes *Fatimah lwn Logan* [1871]¹⁰⁹ menyatakan bahawa Pulau Pinang pada ketika itu merupakan sebuah pulau yang tandus, tiada aktiviti bercucuk tanam, tiada berpenghuni, kecuali beberapa orang nelayan dan tidak wujud sebarang institusi.¹¹⁰ Situasi ini mendorong Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy dalam kes *Ong Cheng Neo lwn Yeap Cheah Neo* [1872]¹¹¹ memutuskan bahawa undang-undang Inggeris merupakan undang-undang yang mengawal Pulau Pinang. Sementara itu, usaha yang dilakukan oleh pihak British bagi mencapai matlamat mereka untuk menerapkan undang-undang Inggeris dikenal pasti melalui dua strategi, iaitu dengan cara duluan kehakiman dan peruntukan undang-undang bertulis.¹¹²

Hakikat ini jelas berdasarkan kes *In The Goods of Abdullah* [1835]¹¹³ yang dihakimi di Pulau Pinang. Perbincangan asas yang menjadi isu bagi kes ini adalah berkenaan dengan kesahan sebuah wasiat yang bercanggah dengan hukum syarak, iaitu berwasiat dengan seluruh harta kepada waris, iaitu isteri dan mengabaikan hak waris-warisan lain yang tidak bersetuju. Terdapat dua bentuk percanggahan dalam kes ini, iaitu berkenaan kadar dan penerima wasiat. Merujuk undang-undang wasiat Islam, kadar wasiat yang diharuskan adalah tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka, manakala penerima wasiat pula hendaklah bukan dalam kalangan waris. Persetujuan semua waris yang berhak mesti diperoleh bagi memastikan sesuatu wasiat yang melebihi satu pertiga harta dan wasiat kepada waris, sah dari segi syarak dan dapat dikuatkuasakan. Tambahan pula, dalam kes ini, para waris tidak bersetuju dengan wasiat tersebut. Namun, mahkamah yang dihakimi oleh Hakim Sir Benjamin Malkin R. berpandukan undang-undang Inggeris dan kes yang lepas, iaitu

Rodyk Williamson & Ors lwn Williamson & Ors [1834]¹¹⁴ telah memutuskan bahawa wasiat tersebut sah¹¹⁵ dan si isteri berhak menerima keseluruhan harta. Dalam kes tersebut, pewasiat jelas dalam wasiatnya ingin melupuskan semua harta kepada isterinya sahaja dan berniat untuk menerima undang-undang wasiat Inggeris.¹¹⁶ Selain itu, berdasarkan Piagam Keadilan Kedua (*Second Charter of Justice*) 1826 juga menunjukkan bahawa undang-undang yang terpakai di Negeri-Negeri Selat ialah undang-undang British yang mengatasi mana-mana undang-undang tempatan. Seseorang penduduk tempatan yang ingin mewariskan harta melalui jalan wasiat mengikut undang-undang persendirian hendaklah menyatakan niatnya secara jelas dalam wasiat. Kegagalan mereka memberikan penjelasan menyebabkan undang-undang British terpakai dalam pengurusan harta pusaka.¹¹⁷

Keputusan Hakim Benjamin ini juga telah disokong oleh Hakim Hacket dalam kes *Fatimah dan Satu Lagi lwn Logan dan Satu Lagi* [1871].¹¹⁸ Kes ini adalah berkenaan dengan wasiat seorang Muslim yang meninggal dunia di Pulau Pinang. Isunya adalah tentang undang-undang yang sewajarnya berkuat kuasa bagi melaksanakan wasiat tersebut. Menurut peguam plaintif, kesahan wasiat itu hendaklah merujuk undang-undang Islam kerana si mati seorang Muslim. Walau bagaimanapun, sebaliknya mahkamah memutuskan bahawa undang-undang British menjadi rujukan utama kerana telah terpakai (*lex loci*) di Pulau Pinang. Oleh itu, kesahan wasiat mestilah ditentukan mengikut undang-undang British.¹¹⁹

Kes tersebut memperlihatkan usaha licik dan serius pihak British bagi mengetepikan undang-undang Islam, dan seterusnya memartabatkan undang-undang British di Tanah Melayu. Kelemahan dari sudut ketiadaan undang-undang Islam dan undang-undang tempatan dalam bentuk dokumentasi telah diambil kesempatan untuk menguatkan hujah bagi meneruskan agenda mereka. Di samping itu, kegagalan Inggeris mengiktiraf kewujudan undang-undang pewarisan Islam sebagai undang-undang persendirian yang telah dilaksanakan sejak turun-temurun membuktikan penafian mereka terhadap undang-undang Islam. Dalam hal ini, undang-undang pewarisan Islam sewajarnya diberikan penghormatan dan pengiktirafan oleh mahkamah, lebih-lebih lagi bagi kes yang melibatkan pihak yang beragama Islam.¹²⁰

Antara strategi pihak British untuk memperkenalkan undang-undang British termasuklah dengan menerusi peruntukan undang-undang bertulis seperti *Mohamedan Law Ordinance No. 5/1880* yang kebanyakan peruntutannya berlawanan dengan syariat Islam.¹²¹ Umpamanya, peruntukan dalam Bahagian 3 ordinan tersebut menyatakan bahawa sekiranya seseorang itu meninggal dunia, suaminya akan menerima satu perempat daripada harta dan tiga perempat daripada harta itu akan dibahagikan sama rata antara anaknya. Sekiranya si isteri tidak mempunyai anak, maka suaminya akan mewarisi keseluruhan harta tersebut. Undang-undang ini

terpakai kepada semua orang Islam melainkan bagi kes mendapatkan persetujuan awal, iaitu sebelum kematian, si mati bersetuju agar pembahagian harta pusaknya mengikut sistem faraid. Peruntukan ini memperlihatkan pertentangan yang jelas dengan hukum pewarisan harta dalam Islam. Islam menentukan kadar yang khusus kepada para waris yang berhak. Pembahagian sama rata antara anak lelaki dengan anak perempuan, serta pembahagian keseluruhan harta pusaka isteri kepada suami jika tidak mempunyai anak, bertentangan dengan hukum syarak.

Walau bagaimanapun, ordinan tersebut telah dimansuhkan dan dipinda pada tahun 1923 melalui undang-undang No. 26/1923 (*Mohamedan Amendment Ordinance*) untuk Negeri-Negeri Selat¹²² berikutan bantahan tegas yang dilakukan oleh masyarakat Islam pada masa itu. Ordinan baharu ini telah mengiktiraf undang-undang pewarisan Islam dengan memberikan hak kepada orang Islam yang tinggal di Negeri-Negeri Selat untuk membuat pembahagian harta pusaka mengikut hukum faraid dalam kes pewarisan harta yang tidak diwasiatkan.¹²³ Penguatkuasaan ordinan ini juga secara tidak langsung menunjukkan British tidak berjaya merealisasikan rancangan mereka untuk melaksanakan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu, khususnya dalam urusan pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam.¹²⁴

KESIMPULAN

Sebelum kedatangan Islam dan berlaku penjajahan di Tanah Melayu, terdapat dua golongan utama yang menghuni Tanah Melayu, iaitu masyarakat peribumi asli yang mengamalkan adat orang asli, serta masyarakat yang berhijrah dari tempat lain yang mengamalkan adat lama seperti adat perpatih dan adat temenggung. Kehidupan dan amalan keagamaan mereka dipengaruhi kuat oleh agama Hindu-Buddha, selain kepercayaan kepada roh dan semangat. Kehidupan dan amalan adat dan undang-undang masyarakat orang asli pula tidak banyak diketahui dengan jelas melainkan berasaskan prinsip memelihara kepentingan dan keselamatan suku atau golongan mereka. Namun, bagi orang asli suku Senoi mereka tidak boleh melakukan amalan wasiat kerana menganggap tidak ada harta yang menjadi milik individu. Begitu juga dengan adat perpatih yang melarang seseorang melakukan wasiat terhadap hartanya. Walau bagaimanapun, dalam adat temenggung tidak diketahui wujudnya sebarang larangan yang menghalang seseorang melakukannya. Selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, adat lama yang menjadi amalan masyarakat Melayu telah diubah dan disesuaikan mengikut ajaran Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir masyarakat Melayu yang masih kuat mengamalkan adat dalam kehidupan sehingga

tidak menerima prinsip dan hukum Islam secara keseluruhannya, terutama perkara yang berkaitan dengan undang-undang pusaka dan wasiat Islam. Selepas berlaku penjajahan pula, pihak Portugis dan Belanda tidak melakukan sebarang perubahan terhadap adat dan amalan keagamaan masyarakat setempat, termasuk dalam konteks amalan wasiat. Pihak British pula telah melakukan pelbagai percubaan untuk memperkenalkan undang-undang wasiat dan pewarisan Inggeris di Tanah Melayu yang tertumpu di Negeri-Negeri Selat. Namun, perancangan dan percubaan tersebut tidak berjaya dilaksanakan. Walau bagaimanapun, beberapa kepincangan yang berlaku dalam amalan wasiat masyarakat Melayu pada masa ini didapati serba sedikit mewarisi amalan adat lama yang menerima pengaruh dan kepercayaan silam yang bertentangan dengan syariat Islam. Tambahan pula, usaha yang pernah dilakukan oleh pihak penjajah untuk mempengaruhi masyarakat Melayu sedikit sebanyak meninggalkan kesan terhadap amalan masyarakat Melayu, termasuklah dalam amalan wasiat seperti cenderung melakukan wasiat melebihi kadarnya. Namun, mutakhir ini, kesedaran dan kefahaman berwasiat, serta budaya pendokumentasiannya semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Melayu, kesan dan pengaruh ajaran Islam yang syumul.

NOTA

- 1 Azmah Abdul Manaf, 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, hlm. 103; Mahmud Saedon Awang Othman, 1998. *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 223.
- 2 Mahayudin Haji Yahaya, 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3.
